

UUM ONLINE: Puasa bukan penghalang bagi 60 mahasiswa dan 25 kakitangan Jabatan Keselamatan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyertai konvoi merdeka dengan motosikal sekitar Pekan Changlun Kedah.

Naib Canselor UUM Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak ketika ditemui berkata konvoi merdeka yang dijalankan ini pastinya akan menyemarakkan bulan kemerdekaan yang akan disambut tidak lama lagi.

"Penyertaan mereka untuk mengelilingi sekitar Changlun dan melalui beberapa sekolah pastinya akan menunjukkan isyarat bahawa semangat patriotisme di kalangan warga kampus ini begitu tinggi bagi menyambut kemerdekaan ke 53," ujar beliau.

Program ini adalah sebahagian daripada pengisian kemerdekaan yang dijalankan oleh pihak universiti.

Sementara itu Pengarah Jabatan Keselamatan Mejar (B) Adnan Ashaari berkata, konvoi motosikal ini akan melalui tujuh buah sekolah di sekitar Changlun, Kolej Matrikulasi dan Kolej Pertanian sambil menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada pihak sekolah untuk pelajar mereka menyanyi dan menaikkan bendera jalur gemilang di tempat masing-masing.

Majlis pelepasan konvoi motosikal ini disempurnakan oleh Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my